



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12.00 tengah hari, 16 Ogos 2026

Untuk Terbitan Media  
16 Ogos 2026

## **SIARAN MEDIA**

### **1,000 PENCARUM TERIMA MYRIDERID PERCUMA, INISIATIF PERKASA KESELAMATAN PENUNGGANG MOTOSIKAL**

**BATU KAWAN:** Seramai 1,000 pencarum menerima MYRIDERID, iaitu sistem pengenalan kecemasan digital berasaskan imbasan kod QR yang diberikan secara percuma sempena pelancarannya, di Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan, hari ini.

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) memaklumkan, sistem ini merupakan salah satu inisiatif memperkukuh perlindungan dan keselamatan penunggang motosikal di negara ini menerusi Kempen Penunggang Malaysia (MYRider).

“MYRIDERID berfungsi sebagai identiti kecemasan digital yang menyimpan maklumat penting penunggang seperti kontak kecemasan dan maklumat kesihatan yang boleh diakses melalui imbasan kod QR ketika berlaku kemalangan atau kecemasan.

“Bertepatan dengan slogan “Maklumat Tepat, Nyawa Selamat”, MYRIDERID memanfaatkan teknologi kod QR bagi membolehkan maklumat penting penunggang diakses dengan pantas sekiranya berlaku kemalangan sekali gus menyokong pengurusan kecemasan yang lebih cekap dan efektif.

“Usaha ini merupakan sebahagian daripada pendekatan keselamatan jalan raya yang komprehensif, merangkumi aspek pencegahan, perlindungan, dan respons pasca kemalangan,” ujar PERKESO.

Jelas PERKESO lagi, langkah ini diambil rentetan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang menunjukkan penunggang motosikal terus kekal sebagai pengguna jalan raya paling berisiko. Golongan ini merangkumi 65 peratus daripada 6,581 kes kematian keseluruhan yang direkodkan sepanjang tahun 2025.

Inovasi daripada MYRIDERID ini mampu menyelamatkan nyawa dengan memastikan maklumat penting penunggang dapat diakses pada saat paling kritikal sekali gus menzahirkan komitmen berterusan PERKESO dalam meneroka pendekatan inovatif yang memberi nilai tambah kepada perlindungan sosial dan kesejahteraan masyarakat, khususnya komuniti penunggang motosikal.

Sementara itu, dalam majlis sama, PERKESO turut mengadakan pertukaran Memorandum Kolaborasi (MoC) bersama Boon Siew Honda Sdn. Bhd. dan MForce Bike Holdings Sdn. Bhd. bagi memperkukuh kerjasama strategik dalam mempromosikan keselamatan motosikal.

Kolaborasi ini akan memberi tumpuan kepada program advokasi, pendidikan dan pembudayaan keselamatan jalan raya yang menyokong aspirasi melahirkan penunggang Malaysia yang selamat, berhemah dan bermaruah.

Program pelancaran ini turut dihadiri oleh Ketua Bahagian Pencegahan, Perubatan dan Pemulihan PERKESO, Dr. Azlan Darus, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Boon Siew Honda, Kunitomo Asano, serta Ketua Pegawai Operasi MForce Bike Holdings, Asri B Ahmad.

**##TAMAT##**

### **Mengenai LINDUNG**

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai LINDUNG PEKERJA, Akta 800 sebagai LINDUNG KERJAYA, Akta 789 (SKSPS) sebagai LINDUNG KENDIRI, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai LINDUNG KASIH. Sementara itu, bermula 1 Jun 2026, LINDUNG 24 Jam dikuatkuasakan yang memberi perlindungan jika berlaku kemalangan di luar waktu kerja di dalam negara bagi pekerja yang mencarum LINDUNG Pekerja. Maklumat lanjut di [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my).

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat  
16 Ogos 2026**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi**

**Iklil Fatihah Kamal Redzuan**

**+6019-7107479**

[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)